

03 MAY 2001

SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN DI IPOH PADA 15 MEI

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Perhimpunan Hari Belia Negara Peringkat Kebangsaan akan diadakan di Stadium Negeri, Ipoh, Perak pada 15 Mei ini.

Menurut kenyataan Kementerian Belia dan Sukan hari ini, perhimpunan itu yang akan disertai kira-kira 3,000 pemimpin belia dan masyarakat pelbagai peringkat seluruh negara akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perhimpunan tahun ini akan menekankan penglibatan masyarakat dan belia dalam aktiviti keilmuan, kemasyarakatan, kesukanan dan kesukarelaan, menurut kenyataan itu.

Perayaan itu yang bertemakan "Kesukarelaan Pemangkin Perpaduan" juga akan diisi dengan program yang menjadi kegemaran belia bagi melahirkan sensitiviti dan komitmen belia dan masyarakat.

Acara menarik sempena sambutan itu termasuk Festival Belia Antarabangsa Malaysia di Gunung Lang, Ipoh (10-16 Mei) dan Konvensyen Belia dan Kesukarelaan di Hotel Casaurina Park Royal, Ipoh (14-15 Mei).

Sementara itu, program Pameran dan Penerangan Pertubuhan Belia diadakan pada 13 Mei hingga 16 Mei di Stadium Indera Mulia, Ipoh. Serentak dengan itu Perkhemahan Sukarelawan Belia akan diadakan di Kem Wajati, Ulu Chepor, Chemor.

Menurut kenyataan itu, penganjur juga mengadakan acara Sukan Lasak di Kompleks Belia dan Sukan Negeri Perak selama tiga hari bermula 13 Mei dan kempen menderma darah di lokasi yang sama pada 15 Mei ini.

-- BERNAMA  
MUN AHH AKD